



KOPI PAHIT

Menurut Ustaz Abu Bakar al-Baqir dari Gunung Semanggol bahawa banyak alim ulama Islam sudah mengajar wang, memburu pangkat dan mencari kebesaran dunia! Memang benar ustaz kerana sekarang hidup di dunia – sedang di dunia hidup dengan mata benda sedang untuk akhirat belum nampak – jadi – ya jadilah – yang dahulu dirasa yang kemudian kemudianlah! Kan begitu sistem kita hari ini?

Mata benda ya mata benda nikmat dan menyesatkan tetapi menyenangkan dahulu – di mana? Di dunialah!

* * *

Tatkala membandingkan perjuangan UMNO dengan perjuangan tentera, Tun Abdul Razak berkata: "Kalau musuh kita mempunyai senjata *modern* maka kita pun mustahaklah mempunyai senjata-senjata *modern* yang bukan sahaja boleh menentang tetapi boleh menghapuskan seteru-seteru." Benar Tuan! Ini sifat perjuangan dan kesatria tetapi bersiap-siaplah lebih dahulu, terutamanya dalam tentera mustahak, kerana almaklumlah – orang bersiap-siap dengan senjata *modern* dan berlatih kuat tetapi kita tidak wajib diam! Siapa tahu apa yang ada di hati orang!

* * *

Kira-kira seribu orang telah mengambil peperiksaan mata pelajaran Ekonomi dengan perantaraan bahasa Melayu bagi Sijil Persekolahan Tinggi – ini diterangkan oleh Prof. Ungku

Aziz – yang menunjukkan bahasa Melayu boleh digunakan walaupun di dalam pengajian tinggi. Kerana itu tidaklah sewajarnya lagi hanya ada pengajian Melayu di dalam universiti seperti yang disebut oleh Tuan Syed Nasir. Jadikanlah bahasa Melayu sebenarnya berdaulat di dalam semua peringkat. Ini mesti diperjuangkan kalau mengakui bahasa Melayu bahasa kebangsaan.

* * *

Masalah mengadakan universiti Cina timbul lagi. Sekalipun pihak M.C.A nampaknya urung tetapi orang-orang Cina sendiri mahu. Tengku nasihat jangan dibuat – jadi bagaimana? Kita lihat sahaja gelagatnya sebab kalau banyak cakap dalam soal ini menimbulkan soal perkauman pula – tidakkah begitu?

* * *

PETIR Singapura anjurkan pilihan raya. Menamakan calon diberi pada 17 Februari tetapi 1968 pengumuman ini tidak serentak dinyatakan bahawa tarikh membuang undi! Entinya PETIR mahu tahu lebih dahulu berapa banyakkah orang yang menentangnya. Jika banyak mungkin sesudah menamakan undi dinyatakan tarikh mengundi 9 hari sesudah pencalonan seperti dahulu. Akibatnya tentu ia bolot! Pembangkang tahu putar belit ini – masing-masing sudah sekolah! Dengan kerana itu mereka boikot! Akhirnya pencalonan dijalankan dengan tidak pihak pembangkang – dan hanya beberapa

tempat calon-calon bebas serta. Dengan itu 51 buah kerusi dibolot mereka kerana pemboikotan itu!

* * *

Ada pula ganjilnya dalam pilihan raya di Singapura itu. Perdana Menteri Lee Kuan Yew nampaknya mendapat lawan di tempatnya di Tanjong Pagar. Ini menunjukkan masih ada orang yang tidak mahu dia. Sekarang sepatutnya ia tidak boleh duduk sebagai Perdana Menteri dalam berkempen melawan penentangnya, tetapi kempennya berjalan dengan nampaknya seperti yang disampaikan orang dengan rasminya, seperti jamuan kepada Perdana Menteri. Calon tersembunyi – takdirlah! Lee Kuan Yew kalah di sana apa mahu jadi? Kita lihat sama-sama – kerana takdir kita tidak tahu.

* * *

Undang-undang telah diluluskan di Singapura bahawa wang-wang buruh yang tersimpan sama ada *bakhshesh*¹ dari kerajaan British untuk penduduk Singapura atau wang tabung bekerja apabila sampai masanya tidak boleh diambil semuanya – kerana kerajaan akan "menyimpan" dan boleh diambil sebanyak 60 peratus dari gaji yang biasa dibayar kepadanya tiap-tiap bulan hingga wang itu habis. Ini tentunya supaya orang-orang yang punya wang jangan boros dan jangan membelanjakan wangnya sewenang-wenangnya. Jadi orang-orang yang berharap-harap hendak beli rumah tempat berteduh di hari tuanya – berharap sahaja tidak merasa! Siapa yang untung dalam soal ini? Fikir sendirilah! Undang-undang lulus kerana tidak ada pembangkangnya dan yang punya hak tidak bebas dengan haknya – dunia ya dunia! – **Cemeti al-Farouk.**

¹ Merujuk kepada tip atau derma dalam bahasa Parsi.